



7 OGOS 2018
UNTUK SIARAN SEGERA

SKIM PENSIJILAN PROFESIONAL KESELAMATAN SIBER BERTAULIAH LESTARI PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR BIDANG KESELAMATAN SIBER

7 OGOS 2018 (SELASA) - CyberSecurity Malaysia hari ini melaksanakan pra-pelancaran Skim Pensijilan Profesional Keselamatan Siber Bertauliah Global atau *Global Accredited Cybersecurity Education (ACE) Scheme* dan laman sesawang Skim tersebut yang dibangunkhusus bagi menilai dan mengesahkan kelayakan profesional serta kemahiran tenaga kerja secara *neutral* lagi telus dalam bidang keselamatan siber melalui kaedah penilaian piawaian yang diiktiraf industri. Skim ini dibangunkan dengan kerjasama kerajaan Malaysia, pihak industri, ahli akademik dan Pasukan Kecemasan Tindakbalas Komputer - Pertubuhan Kerjasama Negara Islam (OIC-CERT).

Skim ini merupakan satu rangka kerja holistik bagi pensijilan profesional keselamatan siber yang menggariskan pendekatan menyeluruh, keperluan penilaian bebas, kesaksamaan peperiksaan, kecekapan pelatih, pengenalan dan klasifikasi domain keselamatan siber, keperluan keahlian profesional serta pelan tindakan pembangunan profesional keselamatan siber selaras dengan piawaian antarabangsa seperti ISO/IEC 9000, ISO/IEC 17024 dan ISO/IEC 27001.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia, Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab.

"Kepesatan industri ICT hari ini memerlukan lebih ramai tenaga pakar dan berkemahiran khususnya dalam bidang keselamatan siber. Tanpa kepakaran mereka, sesebuah negara mudah terdedah kepada pelbagai risiko ancaman dan serangan siber. Namun, tenaga kerja



pakar keselamatan siber masih tidak mencukupi sama ada di peringkat global mahu pun di Malaysia.” jelas Tan Sri Dato’ Seri Panglima Azumi.

Global ACE Scheme berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja keselamatan siber yang bersesuaian dengan keperluan tempatan dan serantau sambil memastikan tahap perkhidmatan yang konsisten dan berkualiti tinggi dalam kalangan tenaga kerja yang diiktiraf.

“Para profesional yang berdaftar di bawah Skim ini akan diberi keahlian dan galakan untuk sentiasa meningkatkan kemahiran serta pengetahuan mereka dengan mengikuti program-program Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development*) yang dikhususkan melalui Skim ini.” ujar Tan Sri Azumi lagi.

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan CyberSecurity Malaysia telah memeterai perjanjian usaha sama pada 1 Jun 2018 sebagai permulaan kepada kerjasama simbiotik di antara MBOT dan CyberSecurity Malaysia sebagai Panel Pakar Teknologi (TEP) dalam bidang teknologi keselamatan siber. Melalui usaha sama ini, MBOT telah mengiktiraf *Global ACE Scheme* sebagai cabang pembelajaran yang perlu diikuti oleh Teknologis dan Juruteknik bidang Teknologi Keselamatan Siber sebelum melayakkan mereka memohon sebagai Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah. Ini merupakan pengiktirafan pertama seumpamanya dilakukan oleh MBOT. Ahli-ahli Skim akan layak menggunakan gelaran singkatan "Ts." bagi Teknologis Profesional atau "Tc" bagi Juruteknik Bertauliah pada nama mereka. Dengan pengiktirafan ini, ahli-ahli Skim berhak untuk melulus dan mengesahkan cara atau perjalanan perkhidmatan teknologi keselamatan siber yang hendak dijalankan tertakluk kepada Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768). Kolaborasi ini dilihat mampu memberi nilai tambah kepada bidang teknologi keselamatan siber serta menaik taraf profesion teknologis dan juruteknik dalam bidang ini.

Menurut Tan Sri Azumi, “Dalam menangani kes jenayah siber, kita memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran. Sebagai pusat pakar teknikal keselamatan siber nasional, CyberSecurity Malaysia amat komited dalam menghasilkan tenaga kerja mahir melalui program latihan yang disediakan menerusi Jabatan Pembangunan Kapasiti yang berperanan aktif melahirkan tenaga kerja berpengetahuan, berkeelayakan dan kompeten dengan kepakaran keselamatan siber, bukan sahaja di Malaysia malah di persada antarabangsa.”

Global ACE Scheme akan mewujudkan program-program pensijilan profesional keselamatan siber bertaraf dunia serta tenaga kerja kompeten yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Skim ini akan turut memupuk pertumbuhan pembekal program latihan keselamatan siber tempatan serta menggalakkan pembangunan program profesional keselamatan siber yang mampu bersaing di peringkat global.

Majlis Pra Pelancaran *Global ACE Scheme* ini diadakan sempena Wacana Pembangunan Profesional Keselamatan Siber bertajuk “*Regulating Cyber Security Professionals Towards The Industrial Revolution 4.0*”. Seramai tiga panelis terdiri dari ahli akademik, wakil industri serta kerajaan terlibat dalam wacana yang dipengerusikan oleh Ts. Dr. Zahri Yunos, Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia.

Sempena majlis ini juga, penyampaian Sijil Profesional “*Certified Information Security Awareness Manager (CISAM)*” turut diadakan, di mana seramai 10 penerima termasuk selebriti Lisa Surihani yang telah lulus cemerlang pada pensijilan tersebut.

CyberSecurity Malaysia turut memberi penghargaan kepada media Malaysia di atas sokongan mereka dalam menyebarkan informasi, mendidik dan memupuk kesedaran orang ramai mengenai isu keselamatan siber, berkongsi amalan terbaik, tips serta nasihat dan penggunaan Internet secara positif. [Senarai penuh penerima penghargaan bagi tahun 2017 seperti di lampiran]

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk pertanyaan, sila hubungi media@cybersecurity.my atau telefon 603-8992 6888,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)